


HARI : RABU
TARIKH : 8/1/2020
M/SURAT : 1

**PKR mahu Majlis
Presiden PH bincang
isu peralihan kuasa**



Segera bincang tarikh peralihan kuasa

Langkah PH itu perlu untuk hentikan lebih banyak spekulasi politik

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA

Parti Keadilan Rakyat (PKR) menggesa Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) supaya segera berbincang dan memuktamadkan peralihan jawatan Perdana Menteri antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, langkah itu perlu bagi menghentikan lebih banyak spekulasi dibuat pihak tertentu dan menghakis keyakinan rakyat terhadap kerajaan.

"Paling penting sekarang, Majlis Presiden PH harus duduk berbincang dan memuktamadkan perkara ini. Itu yang kita hendak," katanya dalam wawancara khas bersama *Sinar Harian* di sini semalam.

Menurutnya, Dr Mahathir secara jelas juga sedar bahawa jawatan yang disandang beliau ketika ini adalah

hasil konsensus yang dilakukan Majlis Presiden PH sebelum Pilihan Raya Umum ke-14.

"Dalam mesyuarat PH semasa kita buat *post mortem* Pilihan Raya Kecil (PRK) Tanjung Piai, Johor tahun lalu, Dr Mahathir ada menyebut dengan terang bahawa kedudukan beliau (sebagai Perdana Menteri) adalah hasil konsensus PH.

"Beliau menerima hakikat bahawa PH akan bincang tentang formula peralihan. Itu sangat jelas," katanya.

Difahamkan, kali terakhir mesyuarat Majlis Presiden PH diadakan adalah pada 6 Disember lalu, namun tiada sebarang perbin-

cangan dibuat berhubung peralihan kuasa. Mesyuarat seterusnya dijangka diadakan pada 7 Februari depan.

Baru-baru ini, media melaporkan Angkatan Muda Keadilan (AMK) turut mendesak Sekretariat PH menetapkan tarikh khusus mengenai proses peralihan kuasa.

Bagaimanapun, Dr Mahathir belum ini mengumumkan bahawa peralihan kuasa kepada

penggantinya akan dilaksanakan selepas berakhirnya Sidang Kemuncak Ekonomi Asia-Pasifik 2020 pada akhir tahun ini.



FOTO: ASRI ASWAND SHUKOR